

# Mahathir: Tidak ada niat lain

**KUALALUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** menjelaskan rancangan menubuhkan Kor Agama Angkatan Tentera dibuat bagi melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang baik dari segi agama dan pertahanan negara.

baik dari segi agama dan pertahanan negara," aspek termasuk latihan dan ajaran agama. "Itu sahaja tujuan dicadangkan penubuhan Kor Agama. Angkatan Tentera yang betul-betul berkesan dapat melindungi negara daripada segala bahaya dari luar dan kadangkala dari dalam," tambahnya.

## Tersusun

Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan menegaskan, kerajaan tidak mempunyai sebarang niat lain kecuali untuk kepentingan semua pihak dalam Angkatan Tentera.

"Sebagai kerajaan bertanggungjawab yang dipilih oleh rakyat, kerajaan telah menyarankan cara-cara yang lebih berkesan untuk mempertahankan negara.

Beliau berkata, rancangan menubuhkan kor itu bukanlah satu perkara baru kerana ia sudah dirancang sejak beberapa lama dulu.

"Kita percaya guru-guru agama memainkan tugas sepenuhnya dan oleh itu perkhidmatan mereka perlu dijadikan sebahagian daripada Angkatan Tentera dan tidak terasing semata-mata sebagai pemimpin dalam soal ibadat sahaja," ujarnya.

"Kerajaan berpendapat masanya sudah tiba untuk mewujudkan satu badan bagi menjalankan tugas melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, amalan itu dilakukan oleh negara-negara lain dan kerajaan menjangka penubuhan Kor Agama itu akan berkesan dalam melawan musuh.

"Sebab itulah Angkatan Tentera mesti tersu-

sun rapi dalam sentiasa aspek termasuk latihan dan ajaran agama. "Itu sahaja tujuan dicadangkan penubuhan Kor Agama. Angkatan Tentera yang betul-betul berkesan dapat melindungi negara daripada segala bahaya dari luar dan kadangkala dari dalam," tambahnya.

Perdana Menteri yakin dengan adanya Kor Agama, pengetahuan anggota-anggota tentera akan dapat dipertingkatkan, supaya mereka memahami tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara.

Katanya, apabila mereka memahami pengetahuan itu, mereka sudah tentu dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan dan tidak hanya menyertai tentera untuk mendapat gaji.

Rancangan menubuhkan kor itu yang diumumkan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar baru-baru ini telah dipersoalkan oleh beberapa guru agama dalam tentera.

Mereka berpendapat dalam keadaan sekarang guru-guru agama adalah kakitangan awam dan oleh itu boleh menemui dan menasihatkan pegawai-pegawai yang berpangkat dalam tentera.

Tetapi, mereka bimbang apabila kor itu ditubuhkan dan mereka diberi pangkat yang rendah, amalan sekarang sukar ditruskan.

Dalam kenyataannya semalam Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ghazali Mohd Seth menerangkan, soal pangkat tidak harus menjadi penghalang apabila seseorang itu memerlukan nasihat agama.